

27 APR 1996

Mahathir - Korban (gambar)

DR MAHATHIR SERAH EMPAT EKOR LEMBU KORBAN

ALOR SETAR, 27 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyerahkan empat ekor lembu korban, masing-masing seekor kepada Masjid Kampung Pauh Jitra, Masjid Tunjang, Masjid Kubur Panjang dan penduduk Titi Gajah.

Sebaik tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini dari Kuala Lumpur, Perdana Menteri yang disambut oleh Menteri Besar Tan Sri Osman Aroff serta anggota Exco kerajaan negeri, terus berkereta ke Masjid Kampung Pauh, Jitra.

Di situ beliau menyerahkan seekor lembu kepada imam masjid kampung itu, Haji Yahya Hanafi.

Selesai sahaja majlis penyerahan itu, Dr Mahathir berlepas pula ke Tunjang untuk menyerahkan seekor lagi lembu kepada imam Masjid Tunjang, Haji Ahmad Yaakob.

Beliau kemudian dengan diiringi Osman Aroff pergi ke bandar Alor Setar dan meluangkan masa hampir 20 minit melawat kompleks Pekan Rabu.

Tanpa mengendahkan hujan rintik, beliau beramah mesra dengan para peniaga di bahagian luar kompleks itu yang menempatkan gerai kuih-muih tradisional.

Orang ramai yang sedang membeli-belah untuk membuat persiapan menyambut Aidiladha turut mengambil kesempatan bersalaman dengan Perdana Menteri.

Selepas itu Dr Mahathir kembali ke kediamannya di Titi Gajah untuk menyempurnakan penyerahan dua ekor lagi lembu, tiap seekor kepada Haji Abdul Ismail, imam masjid Kubur Panjang dan Haji Harun Mat Lazim wakil penduduk Titi Gajah.

Esok, Perdana Menteri dijadualkan menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Zahir, Alor Setar dan mengadakan rumah terbuka di Dewan Jitra mulai 10 pagi hingga 3 petang. -- Bernama

MZM OBA.